

PANDUAN DOA 247@NECF MEI-JUN 2015

A. Parlimen akan bersidang selama 16 hari (18 Mei-16 Jun). Antara isu-isu penting adalah: -

1. Parlimen Bersidang

- i) Rancangan Malaysia Ke-11 yang akan dibentangkan pada 21 Mei 2015.
- ii) Rang Undang-Undang Persendirian berkenaan Hudud yang ditunda dari Persidangan Parlimen yang lalu, dijangka akan dimasukkan ke dalam aturan urusan mesyuarat.
- iii) Akta Anti Pemerdagangan Manusia dan AntiPenyeludupan Migran (Pindaan) 2015 dijangka akan dibentangkan.
 - a. Berdoa campurtangan Tuhan dalam Persidangan ini
 - b. Berdoa supaya ada masa yang cukup untuk membahasakan rang undang-undang ini
 - c. Berdoa untuk Ahli Parlimen supaya berani mengundi berdasarkan pendirian dan suara hati mereka.

2. Rancangan Malaysia ke 11

- i). Rancangan Malaysia ke 11 dari 2016-2020 merupakan fasa terakhir dalam rancangan pembangunan untuk memertabatkan Malaysia kepada status negara berpendapatan tinggi. Rancangan ini akan mengutamakan pembasmian kemiskinan, pendidikan, keselamatan, pengangkutan awam dan infrastruktur di pedalaman.
- ii). Dalam bidang pendidikan, fokus utama adalah dalam bidang teknikal dan pendidikan serta latihan vokasional yang mana akan ditekankan dalam Rangka Tindakan Pendidikan (Education Blueprint).

Berdoa agar kerajaan mempunyai komitmen dalam menangani perkara-perkara berikut:

- i). Pengurangan ketidaksaksamaan dan kemiskinan relatif merentasi bangsa dan bukan sekadar perancangan indah di atas kertas;
- ii. Serius dalam reformasi struktural yang dapat mengurangkan rasuah, mengurangkan kadar kebocoran kertas peperiksaan dan meningkatkan daya saing;

3. Rang Undang-undang Ahli Persendirian Mengenai Hudud dari PAS

Kerajaan Kelantan, yang diperintah oleh PAS, meluluskan pindaan utama pada kod jenayah Syariah pada 19 Mac di peringkat negeri, dalam usaha untuk membolehkan pelaksanaan akhir Hudud di negeri ini yang mana majoriti penduduknya beragama Islam. Ia telah diluluskan di peringkat negeri dengan sokongan penuh daripada wakil rakyat UMNO yang merupakan pembangkang Dewan Undangan Negeri.

Pada persidangan lalu di Parlimen, Rang Undang-undang Ahli Persendirian mengenai Hudud telah dikemukakan untuk dibentangkan tetapi ia telah ditangguhkan.

- a. Berdoa supaya Rang Undang-undang ini tidak akan dibentangkan di Parlimen yang akan datang.
- b. Berdoa agar rang undang-undang Hudud ini tidak akan diluluskan jika ianya dibentangkan.

4. Akta Anti Pemerdagangan Manusia dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan 2015)

- a. Berdoa untuk perdebatan yang membina tentang pindaan kepada Rang Undang-undang ini, yang sepatutnya dilakukan dahulu. Berdoa supaya pindaan yang bakal dilakukan tidak akan membantu aktiviti-aktiviti penyeludupan dan pemerdagangan manusia.
- b. Berdoa supaya Malaysia akan memberikan komitmen sepenuhnya untuk mengatasi isu penyeludupan manusia. Berdoa supaya ada amalan terbaik akan dilaksanakan di setiap peringkat kerajaan yang berurusan dengan pelarian dan migran, seperti polis, imigresen dan tentera laut.
- c. Berdoa untuk perlindungan migran dan pelarian, terutamanya kanak-kanak yang tidak akan mendapat hak pendidikan kerana tidak mempunyai dokumen kenegaraan yang rasmi.
- d. Berdoa untuk krisis kemanusiaan yang genting hasil daripada penemuan kem penyeludupan manusia di selatan Thailand. Berdoa supaya segala perbuatan yang jahat akan didedahkan. Berdoa supaya mangsa-mangsa penyeludupan dibebaskan dan dipulihkan sepenuhnya. Berdoa agar negara-negara lain akan menunjukkan belas kasihan.
- e. Berdoa supaya Malaysia akan mengesahkan protokol Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu Protokol Menentang Penyeludupan Migran melalui Darat,

B.Pilihanraya parti PAS 3-6 Jun 2015

PAS (Parti Islam Se Malaysia) akan mengadakan pemilihan parti ke 61 di Kuala Selangor pada 3-6 Jun 2015.

- a. Berdoa untuk pemimpin yang sederhana dan progresif yang akan di pilih menjadi Pemimpin Pusat
- b. Berdoa agar parti mengutamakan agenda demokratik dan progresif

C. Halangan Politikal dan Ekonomik

Memandangkan kegawatan kewangan, ekonomi dan politik akibat Saga 1MDB, kekeliruan yang timbul daripada pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), dan sampailah kepada pertelingkahan di antara Perdana Menteri sekarang dan bekas Perdana Menteri, mari kita berdoa

- a. Berdoa campur tangan Tuhan ke atas Negara kita
- b. Berdoa untuk kemelut sekarang membawa perubahan yang membina
- c. Berdoa agarkekayaan Negara dilindungi dan di berikan iklim global dan domestic yang mencabar

D. Pesta Tadau Kaamatan dari 30 Mei-2 Jun 2015

Sabah akan merayakan Kaamatan pada 30-31 Mei manakala Sarawak akan merayakan Hari Gawai 1-2 Jun.

- a. Berdoa untuk keselamatan perjalanan bagi rakyat Sabah dan Sarawak yang balik ke kampung mereka untuk merayakan Kaamatan dan Gawai.
- b. Berdoa agar orang Kristian akan menjadi teladan dan hidup suci sepanjang tempoh ini. Dengan itu mereka akan menjadi garam dan terang dunia.
- c. Berdoa untuk keluarga supaya dipulihkan, hubungan diperbaiki dan bersukacita merayakan perayaan bersama.
- d. Berdoa untuk gereja Orang Asli supaya berkembang kearah kematangan rohani dan menjadi berkat kepada Negara. Berdoa supaya lebih ramai lagi yang di bangkitkan menjadi pastor dan pemimpin gereja supaya kuat dalam Firman Tuhan dan mampu mengejar dan memimpin generasi akan dating.